

07 FEB 2003

Cameron-Reach/I

PEMUGARAN TANAH DI CAMERON HIGHLANDS JEJASKAN EMPANGAN DAN ORANG ASLI

CAMERON HIGHLANDS, 7 Feb (Bernama) -- Pemugaran tanah untuk tujuan pertanian secara besar-besaran di Cameron Highlands bukan saja menjejaskan alam sekitar tetapi juga membawa kesan buruk kepada tempat takungan air Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kehidupan masyarakat Orang Asli, kata sebuah kumpulan pemerhati alam sekitar hari ini.

Pengerusi Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Serantau Cameron Highlands (Reach), R. Ramakrishnan berkata sekiranya perbuatan memugar kawasan bukit dan tindakan menyambung saluran paip secara haram tidak dihentikan segera, empangan tenaga elektrik hidro milik TNB yang terletak di bukit peranginan itu akan menerima kesan buruk.

TNB kini terpaksa membayar royalti kepada Kerajaan Kelantan untuk menyalurkan air melalui terowong sepanjang 1.5 km ke tempat takungan airnya. Bagaimanapun, air ini sering dicuri oleh para pekebun untuk kegunaan ladang mereka.

"Sekiranya syarikat berkenaan terus dibiarkan menjalankan kegiatan pertaniannya, di manakah ia akan mendapatkan sumber air. Tiada tempat lain lagi kecuali dari anak sungai yang mengalir melalui kawasan hutan simpan kekal ke tempat takungan Habu," kata Ramakrishnan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Kwang Keh Chong, pengarah syarikat K.C. Kwang & Sons Sdn Bhd, pemaju projek yang menimbulkan kontroversi berhampiran Blue Valley di sini, bahawa pihaknya akan mengemukakan rayuan terhadap tindakan mengharamkan pelaksanaan projek pembangunan di Cameron Highlands oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Kwang berkata tiada cara lain untuk membersihkan kawasan berkenaan kecuali dengan menggunakan jentera berat dan kaedah hidrofonic yang digunakan oleh syarikatnya mampu memberi perlindungan kepada alam sekitar.

Berikutan komen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kawasan berkenaan kini lebih kelihatan seperti sebuah kawasan tanah pamah dan bukannya kawasan tanah tinggi, Kerajaan Pahang telah mengarahkan agar semua kerja pembukaan tanah di Cameron Highlands dihentikan serta-merta sehingga undang-undang sedia ada, terutama Akta Pemuliharaan Tanah 1960 selesai dipinda bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap mereka yang melanggarnya.

Ramakrishnan berkata sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian, proses penjanaan tenaga elektrik TNB juga akan terjejas kerana ia bergantung kepada kuasa air dari tanah tinggi bagi menggerakkan turbinnya.

"Lagipun, sekiranya para petani dibenar meneruskan kegiatan mereka di kawasan berkenaan, bekalan air juga akan terjejas kerana ia akan dicemari oleh racun makhluk perosak yang digunakan untuk pertanian," katanya.

Beliau berkata, masyarakat Orang Asli kini bersungut bahawa bekalan air dan kehidupan mereka telah terjejas akibat pencemaran sungai.

Ramakrishnan berkata Reach tidak dapat menerima dakwaan pemaju berkenaan serta juruperundingnya dari Belanda bahawa kaedah yang mereka gunakan untuk meratakan tanah tidak akan menjejaskan alam sekitar.

"Pertama, juruperunding berkenaan mempunyai kepentingan dalam projek berkenaan kerana dia merupakan pembekal kelengkapan dan teknologi. Dia pula datang dari Belanda di mana pertanian yang diamalkan di sana adalah berasaskan kaedah tanah pamah dan bukan tanah tinggi seperti di sini," kata Ramakrishnan.

Sebaliknya, kata beliau, sistem pertanian secara teres di Cameron Highlands telah terbukti berjaya sejak berpuluh tahun lepas dan sesuai pula

dengan keadaan alam sekitar, tanah dan air di kawasan itu.

Beliau berkata pihak berkuasa berkenaan tidak sepatutnya meloggarkan syarat sedia ada, malah merampas semua jentera berat yang digunakan oleh pemaju terbabit seperti yang pernah dibuat oleh Pejabat Daerah sebelum ini.

"Tapi pihak berkuasa memberi pelbagai alasan seperti tidak mempunyai cukup pegawai penguatkuasa. Mereka telah menggunakan ramai kakitangan untuk memeriksa perbuatan memugar tanah secara haram sebelum ini dan cara ini sepatutnya diamalkan semula," katanya.

Ramakrishan juga berkata Pejabat Daerah perlu mengemaskinikan rekodnya mengenai kegiatan perladangan dan pembangunan lain di kawasan terbabit dari semasa ke semasa bagi membolehkannya menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata Kerajaan Negeri pula sepatutnya bertindak tegas dengan tidak melayan sebarang rayuan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kerja memugar kawasan tanah yang luas agar pihak lain tidak akan mengambil kesempatan pada masa akan datang.

Kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa yang terbabit menjadi punca utama kepada pelbagai kegiatan haram terus berleluasa di kawasan berkenaan.

Sebagai contoh, kata Ramakrishnan, pihaknya telah mendedahkan perbuatan memugar bukit secara haram dan mencuri air dari tempat takungan air berkenaan sejak tahun lepas lagi, tapi tiada tindakan diambil hingga sekarang.

-- BERNAMA

AR SP PR